



## SIARAN AKHBAR

### **BILIF DAN ILIA MENGANJURKAN LEADERSHIP FORUM 2023**

**Selasa, 17 Rabiulawal 1445H bersamaan dengan 3 Oktober 2023M**

---

1. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dengan kerjasama Institute of Leadership, Innovation and Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menganjurkan acara Leadership Forum 2023 pada hari Selasa, 17 Rabiulawal 1445H bersamaan dengan 3 Oktober 2023M. Forum tersebut telah dihadiri oleh ahli profesional dari organisasi kerajaan dan swasta, di antaranya adalah Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bursa Brunei Darussalam Sdn Bhd (BNX), United Overseas Bank Brunei, RHB Bank Brunei dan Royal Brunei Airlines.
2. Forum yang bertemakan “Next-Level-Leadership” tersebut bertujuan untuk meneroka strategi-strategi kepimpinan yang praktikal serta amalan terbaik dalam usaha memajukan kepimpinan ke peringkat yang lebih mampan. Forum tersebut juga bertujuan untuk berkongsi langkah-langkah bagi menggalakkan keterangkuman, pengurusan tenaga kerja yang berpelbagai dengan berkesan serta mendedahkan cabaran-cabaran kepimpinan dalam menuju transformasi.
3. Forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF. Ucapan beliau antarlainnya menyentuh mengenai fungsi forum sebagai platform untuk menyatukan para pemimpin dari pelbagai latar belakang, industri dan pengalaman bagi membincangkan dan berkongsi pendapat mengenai cabaran-cabaran dalam kepimpinan, mencari penyelesaian inovatif serta mempertingkatkan impak kepimpinan secara kolektif.
4. Forum kemudian diikuti dengan ucap-tama oleh tetamu kehormat, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin Bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ucap-tama tersebut antarlainnya menyentuh mengenai peranan pemimpin peringkat seterusnya bagi memastikan kepimpinan dan layanan yang adil kepada semua tenaga kerja, tanpa mengira perbezaan generasi di dalam organisasi mereka. Yang Berhormat juga turut menyatakan bahawa kepimpinan yang berkesan selalunya melibatkan kolaborasi dan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa dan bukan sahaja dalam organisasi atau industri mereka sendiri kerana ianya boleh membawa kepada penyelesaian inovatif dan perkongsian sumber yang memberi manfaat kepada semua. Yang Berhormat juga menambah bahawa pemimpin yang berkesan harus memperjuangkan keadilan dan

memberi peluang yang sama kepada tenaga kerja, dan dengan ini, menggalakkan inklusiviti, kesaksamaan dan proses pembelajaran bersama.

5. Sesi diteruskan pada sebelah pagi dengan sebuah pembentangan bertajuk “Leadership Blueprint: Mastering Leadership Skills to Achieve Extraordinary Breakthrough Results” yang disampaikan oleh Dr Amat Taap Manshor, Ketua Pegawai Eksekutif, AJM International Academy, Malaysia. Sesi perbincangan panel juga telah diadakan bertajuk “Embrace, Engage and Empower: The Transition to Strategic Leadership” yang menampilkan Yang Mulia Dr. Haji Azman Haji Ahmad, Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan; Yang Mulia Hajah Sufinah; Agnete Johnsgaard-Lewis, Pengarah Urusan, Brunei Shell Petroleum; Mochamad Nizar Mustaqim, Pengarah Program Arqam dan Ketua Strategi dan Perancangan, ALAMI, Indonesia dan Yang Mulia Dayang Norainie binti Ahmad, Institute of Policy Studies (IPS), UBD selaku moderator.
6. Acara bersambung pada sebelah petang dengan pembentangan mengenai "Understanding Neuroscience in Leadership" oleh Dr. Rizki Edmi Edison, ILIA, serta satu sesi 'fireside chat' bertajuk "Connect with Your Followers: Becoming the Next Level Leader" yang menampilkan Yang Mulia Haji Awang Afero Eswandy bin Haji Awang Mohamad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF dan Iran Moriff, Ketua Pegawai Operasi, Bank Islam Malaysia Bhd dan diakhiri dengan sesi perbincangan yang bertajuk "Are We Future-Ready Leaders Thriving with Self-Leadership?" yang dikendalikan oleh Yang Mulia Dr. Dayang Mahani binti Haji Hamdan, Pengarah, IPS manakala panelis perbincangan ialah Yang Mulia Kolonel (Bersara) Awang Saiful Akhmar bin Haji Mohd Shariff, IPS; Dr. Rizki Edmi Edison; dan Dr. Amat Taap.
7. Forum telah diakhiri dengan ucapan penutup yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr Dayang Asiyah Az-Zahra binti Ahmad Kumpoh, Pengarah, ILIA. Beliau menyeru organisasi-organisasi untuk menyokong pemimpin masa depan dengan menyediakan peluang bagi meningkatkan pengetahuan dan mengembangkan kebolehan mereka. Mereka jua perlu memupuk budaya pertumbuhan dalam organisasi mereka untuk memudahkan penyesuaian dengan cabaran-cabaran yang sering berubah serta mempunyai perspektif strategik untuk memupuk kreativiti dan inovasi.
8. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) adalah sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di bawah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB). BILIF dengan giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman web BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn) atau akaun Instagram @BILIF.bn.